KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SIARAN MEDIA

KARNIVAL MEGA 3 DIMENSI 2025 (MK3D 2025) DIIKTIRAF SEBAGAI *LARGEST ENTREPRENEURSHIP FAIR* OLEH MALAYSIA BOOK OF RECORDS (MBOR)

Karnival Mega 3 Dimensi 2025 (MK3D 2025) adalah gabungan tiga program keusahawanan utama, iaitu Karnival Usahawan Desa (KUD) oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW); Sambutan Hari Peneroka FELDA (HPF) oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA); dan Showcase Satu Daerah Satu Industri (SDSI) oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). **Lebih 1,000 usahawan dan pempamer serta sejumlah 882 reruai keusahawanan telah menyertai Karnival Mega 3 Dimensi 2025 (MK3D), sebuah inisiatif keusahawanan berskala besar yang menyatukan usahawan seluruh negara di bawah satu platform yang holistik dan inklusif.**

MK3D 2025 pada hari ini telah mendapat pengiktirafan *Malaysia Book of Records (MBOR): Largest Entrepreneurship Fair* di mana anugerah ini telah diterima oleh YB Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang, Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah.

Dalam majlis yang sama, **YB Datuk turut menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Kerjasama (MoC) antara Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) dengan Koperasi Peserta-peserta FELCRA Malaysia Berhad (KPFB).** Inisiatif kerjasama ini melibatkan lima inisiatif utama iaitu bidang perladangan; pengilangan dan perkilangan; penternakan, penternakan ikan; dan pertanian asas tani. Inisiatif ini dijangka dapat merangsang pertumbuhan sektor ekonomi desa secara mampan dan berimpak tinggi.

YB Datuk turut melancarkan platform digital i-Mesra, satu inovasi terkini yang dibangunkan bagi memperkasa usahawan sektor makanan dan minuman (F&B) melalui akses kepada teknologi digital, saluran pembiayaan, dan pengurusan rantaian bekalan secara lebih cekap. Platform i-Mesra ini juga berfungsi sebagai sistem rujukan **pra-halal digital** yang membantu pengusaha makanan mengurus inventori bahan ramuan yang digunakan dalam penyediaan menu masakan dan minuman di premis-premis yang berdaftar.

Platform ini telah disokong sepenuhnya oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan kini akan dilaksanakan secara strategik di bawah KKDW. Selain itu, platform i-Mesra ini turut diperkasakan menerusi kerjasama strategik bersama agensi seperti Halal Development Corporation (HDC) Berhad dan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC).

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
1 Ogos 2025